



NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 58  
No. 26

**30hb Disember 2005**

*TAMBAHAN No. 17  
PERUNDANGAN*

---

---

**Sel. P.U. 63.**

**AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974**

**UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN)  
(MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) JALAN, PARIT DAN  
BANGUNAN 2005**

---

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Undang-  
Undang  
Kecil

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

**KOMPAUN**

4. Pengkompaunan kesalahan
5. Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran

BAHAGIAN III

AM

Undang-  
Undang  
Kecil

6. Pembatalan dan peruntukan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

## AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN)  
(MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) JALAN, PARIT DAN  
BANGUNAN 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], Majlis Perbandaran Ampang Jaya membuat, dan Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) Jalan, Parit dan Bangunan 2005**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

**Pemakaian**

2. Undang-Undang Kecil ini hendaklah dipakai bagi kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

**Tafsiran**

3. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika kandungannya menghendaki makna yang lain—

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

## BAHAGIAN II

## KOMPAUN

**Pengkompaunan kesalahan**

4. (1) Kesalahan-kesalahan yang dinyatakan di dalam ruang A Jadual Pertama boleh dikompaun dengan jumlah bayaran sebagai mana dinyatakan di dalam ruang B Jadual Pertama.

(2) Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh dengan keizinan Pendakwa Raya mengkompaunkan mana-mana kesalahan di bawah perenggan (1) dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(3) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah perenggan (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

### **Wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran**

5. (1) Jumlah wang yang boleh dikutip oleh Majlis bagi mengkompaun suatu kesalahan yang dilakukan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta hendaklah tidak boleh melebihi lima puluh peratus daripada kadar maksima denda yang boleh dikenakan.

(2) Segala wang pembayaran kompaun hendaklah dibayar dengan wang tunai atau kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank, atau bank draf yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan dipalang "Akaun Penerima Sahaja". Pembayaran juga boleh dibuat melalui apa-apa cara lain seperti yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(3) Pembayaran boleh diserahkan di pejabat Majlis atau di mana-mana cawangan yang ditetapkan oleh Majlis, dan sekiranya bayaran dibuat melalui pos, ianya hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

(4) Tiap-tiap bayaran yang diterima hendaklah dimasukkan sebagai wang hasil Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan kepada orang yang telah diberikan tawaran mengkompaun itu.

(5) Tawaran untuk mengkompaun sebarang kesalahan tersebut dan penerimaan tawaran hendaklah dibuat dalam Borang 1 Jadual Kedua.

## BAHAGIAN III

## AM

**Pembatalan dan peruntukan peralihan**

6. (1) Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) Jalan, Parit dan Bangunan 1995 [*Sel. P.U. 15*] adalah dibatalkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah disifatkan telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

## JADUAL PERTAMA

UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN)  
(MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 2005

[Undang-Undang Kecil 4]

A	B
<i>Kesalahan-Kesalahan</i>	<i>Had Jumlah Bayaran Kompaun</i>
Seksyen-seksyen - 72(4), 84(2) dan 124(3)	Tidak melebihi RM125.00
Seksyen-seksyen - 4(3), 29, 30, 31, 38, 39(1), 46, 47(1), 56, 57, 76(2), 78(2), 79(4), 87(5) dan 104(3)	Tidak melebihi RM250.00
Seksyen-seksyen - 9(9), 34, 39(2), 40, 41, 42, 43, 47(2), 55, 58, 59, 70(11), 70(12), 72(3), 80, 100 dan apa-apa kesalahan lain di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata	Tidak melebihi RM500.00
Seksyen-seksyen - 9(7), 52, 82(3) dan 85(3) Akta ini atau kesalahan-kesalahan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya	Tidak melebihi RM1,000.00
Seksyen-seksyen - 16(3) dan 17(4)	Tidak melebihi RM2,500.00
Seksyen-seksyen - 70(13), 73(1), 73(2) dan 121	Tidak melebihi RM5,000.00
Seksyen - 70A(9)	Tidak melebihi RM25,000.00
Seksyen-seksyen - 70B(15) dan 85(13)	Tidak melebihi RM50,000.00
Seksyen - 71	Tidak melebihi RM250,000.00

JADUAL KEDUA

UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN)  
(MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) JALAN, PARIT DAN  
BANGUNAN 2005

**BORANG 1**

[Undang-Undang Kecil 5]

*TAWARAN MENGGOMPAUN SUATU KESALAHAN*

Kepada  
.....  
.....  
.....

Tuan/Puan,  
Rujukan.....

Menurut maklumat/aduan yang diterima, saya berpendapat bahawa tuan/puan telah melakukan kesalahan yang berikut:  
Peruntukan undang -undang berkaitan: .....

Tarikh: .....Waktu: .....

Tempat: .....

Butir-butir kesalahan: .....

(2) Tuan/puan adalah dengan ini dimaklumkan bahawa menurut kuasa yang diberi kepada saya oleh Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) Jalan, Parit dan Bangunan 2005, saya bersedia dan dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan itu dengan bayaran wang sebanyak RM.....

Jika tawaran ini diterima, pembayaran mestilah dibuat dengan wang tunai atau dengan kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank, atau bank draf yang dibuat untuk dibayar kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan dipalang "Akaun Penerima Sahaja" atau boleh diserahkan dengan sendiri ke alamat yang berikut.....

Pembayaran melalui pos mestilah dialamatkan kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila kompaun dibayar. Pembayaran juga boleh dibuat melalui apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(3) Tawaran ini akan habis tempoh pada..... Jika pembayaran penuh jumlah wang yang dinyatakan di atas diterima pada atau sebelum penutupan urusan pada tarikh tersebut, tiada apa-apa langkah perbicaraan selanjutnya akan diambil terhadap tuan/puan berhubung dengan kesalahan itu. Jika tidak, pendakwaan akan dijalankan tanpa notis selanjutnya.

Bertarikh .....

\* .....

\* (Untuk ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa mengkompaun dan nama serta nama jawatannya mestilah dinyatakan di bawah tandatangan)

## MENERIMA TAWARAN MENGGOMPAUN

Kepada:

Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Saya merujuk kepada tawaran mengkompaun suatu kesalahan di bawah rujukan .....  
dan bertarikh..... Saya terima tawaran itu dan sertakan bersama-sama ini wang  
tunai/kiriman wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/bank draf bank No .....  
sebanyak RM.....(Ringgit Malaysia.....)  
bagi menjelaskan bayaran kompaun ini.

Tandatangan: .....

Nama (Huruf Besar): .....

No. KP: .....

Alamat: .....

Tarikh: .....

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya dalam mesyuaratnya pada  
30 Ogos 2005.  
[PU. Sel. Am 0283]

DATO' AHMAD SHAFII BIN SAIDIN  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Perbandaran Ampang Jaya*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 20 Disember 2005.

BAKHTIAR BIN HUSSIN  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan,*  
*Selangor*

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

STREET, DRAINAGE AND BUILDING (COMPOUNDING OF OFFENCES)  
(AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2005

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

PART I

PRELIMINARY

By-Law

1. Short title and commencement
2. Application
3. Interpretation

PART II

COMPOUND

4. Compounding of offences
5. Sum to be collected and method of payment

PART III

GENERAL

6. Repeal and transitional provision

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE



---

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

STREET, DRAINAGE AND BUILDING (COMPOUNDING OF OFFENCES)  
(AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2005

IN exercise of the powers conferred by section 133 of the Street, Drainage and Building Act 1974 [*Act 133*], the Ampang Jaya Municipal Council hereby makes, and the State Authority confirms the following by-laws:

PART I

PRELIMINARY

**Short title and commencement**

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Street, Drainage and Building (Compounding of Offences) (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 2005**.

(2) These By-Laws shall come into operation on 1 January 2006.

**Application**

2. These By-Laws shall apply only to the area administered by the Ampang Jaya Municipal Council.

**Interpretation**

3. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“Council” means the Ampang Jaya Municipal Council.

PART II

COMPOUND

**Compounding of offences**

4. (1) The offences specified in the column A of the First Schedule hereto may be compounded by the payment of such amount as specified in column B of the First Schedule.

(2) The President, Secretary or Legal Officer of the Council may with the consent of the Public Prosecutor compound any offence under paragraph (1) by

making a written offer to the person suspected of having committed the offence to compound the offence upon payment to the Council of an amount of money for that offence within the time specified in the offer.

(3) An offer under paragraph (2) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and if the amount specified in the offer is not paid within the period specified in the offer or within such extended period as the President, Secretary or Legal Officer may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against the person to whom the offer was made.

(4) If an offence has been compounded under paragraph (2), no prosecution shall be instituted after that in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made and anything seized in connection with the offence shall be released, subject to such terms and condition as may be prescribed.

### **Sum to be collected and method of payment**

5. (1) The sum of money to be collected for compounding offences under any By-Laws made under the Act shall not exceed a sum equal to fifty per centum of the maximum amount of a fine with which the offence is punishable.

(2) Payment of the sum shall be made in cash, or by money order, postal order, cashier's order, banker's order or banker's draft made payable to the President of the Ampang Jaya Municipal Council and crossed "Account Payee Only". Payment may also be made by any other method as determined by the Council from time to time.

(3) Payment may be delivered personally to the office of the Council or to any branch offices determined by the Council but if sent by post, must be addressed to the President of the Ampang Jaya Municipal Council.

(4) Every payment received shall forthwith be credited to the revenue of the Ampang Jaya Municipal Council and an official receipt be issued to the person to whom the offer to compound was made.

(5) An offer to compound and acceptance of such offer shall be made in Form 1 in the Second Schedule.

### PART III

#### GENERAL

### **Repeal and transitional provision**

6. (1) Street, Drainage and Building (Compounding of Offences) (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 1995 [*Sel. P.U. 15*] is repealed.

(2) Any notice, order, compound, licence or documents made or issued under the repealed By-Laws shall, be deemed to be made or issue under these By-Laws, and shall continue to remain in force until revoked thereof.

## FIRST SCHEDULE

STREET, DRAINAGE AND BUILDING (COMPOUNDING OF OFFENCES)  
(AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2005

[By-Law 4]

A <i>Offences</i>	B <i>Limit of sum payable on compound</i>
Sections – 72(4), 84(2) and 124(3)	Not exceeding RM125.00
Sections – 4(3), 29, 30, 31, 38, 39(1), 46, 47(1), 56, 57, 76(2), 78(2), 79(4), 87(5) and 104(3)	Not exceeding RM250.00
Sections – 9(9), 34, 39(2), 40, 41, 42, 43, 47(2), 55, 58, 59, 70(11), 70(12), 72(3), 80, 100 and any other offences under this Act in which no penalty is expressly provided	Not exceeding RM500.00
Sections – 9(7), 52, 82(3) and 85(3) or offences under any By-Law made under this Act	Not exceeding RM1,000.00
Sections – 16(3) and 17(4)	Not exceeding RM2,500.00
Sections - 70(13), 73(1), 73(2) and 121	Not exceeding RM5,000.00
Section - 70A(9)	Not exceeding RM25,000.00
Sections - 70B(15) and 85(13)	Not exceeding RM50,000.00
Section - 71	Not exceeding RM250,000.00

## SECOND SCHEDULE

STREET, DRAINAGE AND BUILDING (COMPOUNDING OF OFFENCES)  
(AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2005

## FORM 1

[By-Law 5]

## AN OFFER TO COMPOUND

To : .....

Sir/ Madam,

Reference : .....

It appears to me, on information/complaint received, that you have committed the following Offence:

Relevant provision of the Law.....

Date: ..... Time: .....

Place:.....

Particulars of Offence:.....

2. You are hereby informed that, by virtue of the authority conferred of me by Street, Drainage and Building (Compounding of Offences) (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 2005, I am prepared, and hereby offer to compound the offence for the of RM.....

If this offer is accepted, payment must be made in cash, or by money order, postal order, cashier's order, banker's order or banker's draft made payable to the President of the Ampang Jaya Municipal Council and crossed "Account Payee Only", or may be delivered personally to the following address

.....  
.....  
.....

Payment by post must be addressed to the President of the Ampang Jaya Municipal Council. An official receipt will be issued upon payment. Payment may also be made by any other method as determined by the Council from time to time.

3. This offer will lapse on:.....  
If full payment of the sum stated above is received by the close of business on that date, no further proceedings will be taken against you in respect of the offence. Otherwise, prosecution will be instituted without further notice.

Dated .....

\*.....

(\* To be signed by an authorized officer in which his name and designation to be stipulated below the signature).

ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND

To:

The President  
Ampang Jaya Municipal Council  
Selangor Darul Ehsan

I refer to the offer to compound and offence bearing reference..... and dated .....  
I accept the offer and enclose herewith cash/ money order/ postal order/ cashier's order/banker's draft no ..... for the sum of ..... in full settlement of the compound.

Signature: .....

Name (Block Letters): .....

NRIC No: .....

Address: .....

Date: .....

Made by the Ampang Jaya Municipal Council in the meeting on 30 August 2005.  
[PU. Sel. Am 0283]

DATO' AHMAD SHAFII BIN SAIDIN  
*President,*  
*Ampang Jaya Municipal Council*

Confirmed by the State Authority in the meeting on 20 December 2005.

BAKHTIAR BIN HUSSIN  
*Clerk,*  
*State Executive Council,*  
*Selangor*

**Sel. P.U. 64.****AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976****UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TEMPAT LETAK KERETA  
PERSENDIRIAN (MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2005**

---

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

**BAHAGIAN I****PERMULAAN**Undang-  
Undang  
Kecil

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

**BAHAGIAN II****LESEN**

4. Lesen dikehendaki
5. Fi bagi lesen
6. Budi bicara Pihak Berkuasa Melesen
7. Permohonan untuk lesen
8. Kebersihan
9. Perubahan dan tambahan
10. Kadar hendaklah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen
11. Halangan
12. Kegunaan lain tidak dibenarkan
13. Pencahayaan dan peredaran udara
14. Mengadakan perlindungan keselamatan yang mencukupi
15. Pencegahan kebakaran dan keperluan keselamatan

BAHAGIAN III

PENGUATKUASAAN

Undang-  
Undang  
Kecil

16. Kuasa untuk masuk
17. Kuasa penangkapan
18. Kuasa menyita

BAHAGIAN IV

AM

19. Penalti am
20. Pendakwaan
21. Pengkompaunan kesalahan
22. Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini
23. Pengecualian
24. Pembatalan dan peruntukan peralihan

JADUAL

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TEMPAT LETAK KERETA  
PERSENDIRIAN (MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Ampang Jaya membuat, dan menurut seksyen 103 Akta itu, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Tajuk ringkas dan kuat kuasa**

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 2005**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

**Pemakaian**

2. Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

**Tafsiran**

3. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“lesen” ertinya suatu lesen yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini untuk mengendalikan tempat letak kereta persendirian;

“lot letak kereta” ertinya ruang yang ditandakan di tempat letak kereta untuk meletakkan suatu kenderaan motor;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Ampang Jaya;

“orang” termasuklah sesuatu syarikat atau badan berkanun atau persatuan atau kumpulan orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan;

“Pihak Berkuasa Melesen” ertinya Yang Dipertua Majlis, Setiausaha atau mana-mana pegawai diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

“tempat letak kereta persendirian” ertinya mana-mana tanah atau premis atau sebahagian daripadanya yang dimiliki atau diduduki oleh mana-mana orang selain Majlis atau Kerajaan dan digunakan untuk meletakkan dua kenderaan motor atau lebih, dan di mana orang awam dibenarkan atau meletakkan apa-apa kenderaan tertakluk kepada bayaran fi sama ada mengikut jam atau selainnya;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

## BAHAGIAN II

### LESEN

#### **Lesen dikehendaki**

4. Tiada seorang pun boleh mengendalikan suatu tempat letak kereta persendirian melainkan jika dia memiliki lesen yang sah yang diberikan bagi maksud itu di bawah Undang-Undang Kecil ini oleh Pihak Berkuasa Melesen.

#### **Fi bagi lesen**

5. (1) Fi yang kena dibayar bagi pemberian atau pembaharuan lesen hendaklah seperti yang dalam Jadual.

(2) Sesuatu lesen hendaklah melainkan jika digantung atau dibatalkan terlebih dahulu terus berkuat kuasa sehingga 31 Disember berikutan tarikh kuat kuasa lesen itu dan boleh dibaharui pada atau sebelum tarikh habis tempohnya.

(3) Sesuatu lesen tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana orang lain dan pemegang lesen tempat letak kereta persendirian tidak boleh mengendalikannya melalui mana-mana orang lain kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Melesen.

#### **Budi bicara Pihak Berkuasa Melesen**

6. Pemberian, penggantungan atau pembatalan sesuatu lesen hendaklah mengikut budi bicara Pihak Berkuasa Melesen dan Pihak Berkuasa Melesen boleh menggantung mana-mana lesen yang diberikan kepada mana-mana pemegang lesen jika pemegang lesen itu melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

#### **Permohonan untuk lesen**

7. Permohonan untuk mendapatkan sesuatu lesen untuk mengendalikan suatu tempat letak kereta persendirian hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen dalam bentuk yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen disertakan bersama dengan dua salinan pelan yang menunjukkan tempat, ukuran dan muatan tempat letak kereta itu.



**Kebersihan**

8. (1) Pemegang lesen hendaklah menyelenggara tempat letak kereta persendiriannya supaya dalam keadaan bersih pada setiap masa.

(2) Pemegang lesen hendaklah menyediakan tong sampah yang cukup di tempat letak kereta persendiriannya.

**Perubahan dan tambahan**

9. Pemegang lesen tidak boleh menambah atau mengurangkan bilangan lot letak kereta dalam tempat letak kereta persendiriannya kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melesen.

**Kadar hendaklah diluluskan Pihak Berkuasa Melesen**

10. Tiada pemegang lesen boleh mengenakan apa-apa kadar bagi penggunaan tempat letak kereta persendiriannya melainkan kadar itu telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

**Halangan**

11. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah yang cukup untuk memastikan bahawa tiada kenderaan diletakkan mengikut apa-apa cara yang boleh menghalang pergerakan lalu lintas yang bebas di dalam atau di sekitar tempat letak kereta persendiriannya.

**Kegunaan lain tidak dibenarkan**

12. Pemegang lesen tidak boleh menggunakan atau membenarkan untuk digunakan mana-mana bahagian tempat letak kereta persendiriannya bagi apa-apa maksud selain untuk meletakkan kenderaan motor kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Pihak Berkuasa Melesen.

**Pencahayaan dan peredaran udara**

13. Pemegang lesen hendaklah mengadakan pencahayaan yang cukup dalam tempat letak kereta persendiriannya dan jika tempat letak kereta persendirian itu tertutup, pengudaraan yang mencukupi sehingga Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati.

**Mengadakan perlindungan keselamatan yang mencukupi**

14. (1) Pemegang lesen hendaklah mematuhi segala arahan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Melesen dan pihak polis untuk memastikan bahawa perlindungan keselamatan yang cukup diadakan di tempat letak kereta persendiriannya.

(2) Berhubung dengan tempat letak kereta yang bertutup, pemegang lesen hendaklah memasang sistem kamera litar tertutup dan hendaklah memastikannya berfungsi dengan baik pada setiap masa.

### **Pencegahan kebakaran dan keperluan keselamatan**

15. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa di tempat letak kereta persendirian—

- (a) kelengkapan menentang kebakaran yang mencukupi dipasang sehingga Pihak Berkuasa Melesen berpuas hati;
- (b) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar diselenggara dengan sempurna dan bebas daripada segala halangan;
- (c) tiap-tiap pintu dibina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan senang; dan
- (d) pegawai keselamatan berlesen dan mencukupi diadakan.

## **BAHAGIAN III**

### **PENGUATKUASAAN**

#### **Kuasa untuk masuk**

16. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh, dengan atau tanpa pembantu atau pekerja, masuk ke dalam mana-mana tempat letak kereta persendirian bagi maksud—

- (a) membuat apa-apa siasatan, pemeriksaan atau penyiasatan tentang apa-apa kesalahan yang disyaki telah dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini;
- (b) mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk menutup secara fizikal mana-mana tempat letak kereta persendirian sekiranya dia berpuas hati bahawa telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen atau pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini; dan
- (c) melakukan apa-apa perbuatan lain yang perlu bagi pentadbiran yang cekap Undang-Undang Kecil ini.

(2) Mana-mana orang yang dengan sengaja menghalang kemasukan mana-mana pegawai diberi kuasa atau dibenarkan di bawah perenggan (1) untuk masuk ke dalam mana-mana tempat letak kereta persendirian adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **Kuasa penangkapan**

17. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang—

- (a) yang semunasabahnya dipercayai olehnya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau

(b) yang enggan memberikan nama dan alamatnya apabila diminta atau jika ada sebab untuk meragui ketepatan nama dan alamat yang diberikan.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibawa ke balai polis dan hendaklah dibawa ke hadapan seorang Majistret dalam masa dua puluh empat jam, melainkan jika sebelum dari masa itu nama dan kediamannya yang sebenarnya telah dapat ditentukan, dan dalam hal yang sedemikian orang itu hendaklah dilepaskan dengan serta-merta apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk hadir di hadapan seorang Majistret jika dikehendaki sedemikian.

(3) Apabila mana-mana orang sedemikian dibawa ke hadapan seorang Majistret, Majistret itu boleh sama ada menghendaki dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin untuk hadir di hadapan seorang Majistret sekiranya dikehendaki, atau boleh memerintahkan supaya dia ditahan dalam jagaan sehingga dia dapat dibicarakan.

### **Kuasa menyita**

18. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menyita atau mengalihkan apa-apa barang atau benda yang menyalahi Undang-Undang Kecil ini dengan risiko ditanggung oleh pemunya.

(2) Apa-apa benda atau barang yang disita di bawah perenggan (1) ini adalah daripada jenis yang mudah rosak atau yang mengikut sifatnya lekas rosak atau jika penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah, atau dipercayai akan membahayakan orang ramai, pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan supaya benda atau barang itu dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Mana-mana orang yang menuntut apa-apa benda atau barang selain benda atau barang yang disita di bawah perenggan (2), boleh menuntut benda atau barang tersebut daripada Majlis dalam tempoh minima tujuh hari bekerja atau maksima satu bulan dari tarikh benda atau barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran yang dikenakan oleh Majlis.

(4) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa tidaklah bertanggung kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, walau apa pun sebabnya, dalam kualiti apa-apa benda atau barang yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini.

## **BAHAGIAN IV**

### **AM**

### **Penalti am**

19. Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan boleh sebagai tambahan didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

**Pendakwaan**

20. Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

**Pengkompaunan kesalahan**

21. (1) Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh dengan keizinan Pendakwa Raya mengkompaunkan mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

**Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini**

22. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai polis untuk menyasiat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

**Pengecualian**

23. Majlis boleh mengecualikan mana-mana orang atau golongan atau kategori orang daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau menetapkan mana-mana atau kesemua syarat Undang-Undang Kecil ini atau menggantikan mana-mana atau kesemua syarat ini sebagaimana yang difikirkannya perlu.

### Pembatalan dan peruntukan peralihan

24. (1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Ampang Jaya) 1995 [*Sel. P.U. 13*] adalah dibatalkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah, disifatkan telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

#### JADUAL

#### UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TEMPAT LETAK KERETA PERSENDIRIAN (MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2005

[Undang-Undang Kecil 5(1)]

#### FI LESEN TAHUNAN

Bilangan lot letak kereta bagi setiap tempat letak kereta	Fi kena dibayar RM
2-50	500.00
51-100	1000.00
101-200	1500.00
201-300	2000.00
301-400	2500.00
401-500	3000.00
501 ke atas	3500.00

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya dalam mesyuaratnya pada 30 Ogos 2005.

[PU. Sel. Am 0283]

DATO' AHMAD SHAFII BIN SAIDIN  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Perbandaran Ampang Jaya*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 20 Disember 2005.

BAKHTIAR BIN HUSSIN  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan,*  
*Selangor*

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF PRIVATE CAR PARKS (AMPANG JAYA  
MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2005

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

PART I

PRELIMINARY

By-Law

1. Short title and commencement
2. Application
3. Interpretation

PART II

LICENCE

4. Licence required
5. Fee for licence
6. Discretion of the Licensing Authority
7. Application for licence
8. Cleanliness
9. Alteration and addition
10. Fee to be approved by Licensing Authority
11. Obstruction
12. Other usage not permitted
13. Ventilation and lighting
14. Adequate security protection to be provided
15. Fire prevention and safety requirements

PART III

ENFORCEMENT

16. Power of entry

## By-Law

17. Power to arrest
18. Power of seizure

## PART IV

## GENERAL

19. General penalty
20. Prosecution
21. Compounding of offences
22. Powers of police officers under these By-Laws
23. Exemption
24. Repeal and transitional provision

## SCHEDULE

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

LICENSING OF PRIVATE CAR PARKS (AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL)  
BY-LAWS 2005

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Ampang Jaya Municipal Council makes, and pursuant to section 103 of the Act, the State Authority confirms, the following by-laws:

## PART I

## PRELIMINARY

**Short title and commencement**

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Licensing of Private Car Parks (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 2005**.

(2) These By-Laws come into operation on 1 January 2006.

**Application**

2. These By-Laws shall apply only to the area administered by the Ampang Jaya Municipal Council.

**Interpretation**

3. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“licence” means a licence granted under these By-Laws to operate a private car park;

“parking lot” means the space marked out in a parking place for the parking of one motor vehicle;

“Council” means the Ampang Jaya Municipal Council;

“person” includes a company, a statutory body, an association or a body of persons corporate or incorporate;

“The Licensing Authority” means the President of the Council, Secretary or any officer authorised in writing by the President;

“private car park” means any land or premises or part thereof owned or occupied by any person other than the Council or the Government and used for the parking to two or more motor vehicles, and to which any member of the public is admitted to park any vehicle subject to the payment of a fee whether hourly or otherwise;



“President” means the person for the time being lawfully performing the duties of the office of the President of the Ampang Jaya Municipal Council.

## PART II

### LICENCE

#### **Licence required**

4. No person shall operate a private car park unless he is in possession of a valid licence granted for that purpose under these By-Laws by the Licensing Authority.

#### **Fee for licence**

5. (1) The fee payable for the grant or renewal of a licence shall be as in the Schedule.

(2) A licence shall unless sooner suspended or revoked remain in force until the 31st day of December next following the date of commencement of the licence and may be renewed on or before the date of expiry.

(3) A licence shall not be transferred to any other person and no licensee shall operate his private car park through any other person except with the prior written consent of the Licensing Authority.

#### **Discretion of the Licensing Authority**

6. The granting, suspension or revocation of a licence shall be at the discretion of the Licensing Authority and the Licensing Authority may suspend any licence issued to any licensee if the licensee breaches any provision of these By-Laws.

#### **Application for licence**

7. An application for a licence to operate a private car park shall be made in writing to the Licensing Authority in such form as the Licensing Authority may determine accompanied by a plan in duplicate showing the location, dimensions and capacity of the car park.

#### **Cleanliness**

8. (1) Every licensee shall keep his private car park clean at all times.

(2) Every licensee shall provide adequate refuse receptacles in his private car park.

**Alteration and addition**

9. The licensee shall not increase or reduce the number of car parking lots within his private car park except with the prior written approval of the Licensing Authority.

**Fee to be approved by the Licensing Authority**

10. No licensee shall impose any rate of fees for the use of his private car park unless the rate of fees has been approved by the Licensing Authority.

**Obstruction**

11. The licensee shall take adequate measures to ensure that no vehicle is parked in any manner so as to obstruct the free flow of traffic inside or in the vicinity of his private car park.

**Other usage not permitted**

12. The licensee shall not use or permit to be used any part of his private car park for any purpose other than for the parking of motor vehicles except with the prior written approval of the Licensing Authority.

**Ventilation and lighting**

13. The licensee shall provide adequate lighting and, if it is a covered private car park, adequate ventilation to the satisfaction of the Licensing Authority.

**Adequate security protection to be provided**

14. (1) The licensee shall comply with all instructions given by the Licensing Authority and the police to ensure that adequate security is provided in his private car park.

(2) In relation to a covered private car park, the licensee shall install close circuit television system, and shall ensure the same to be in good working condition at all times.

**Fire prevention and safety requirement**

15. The licensee shall ensure in his private car park—

- (a) adequate fire fighting equipment is installed to the satisfaction of the Licensing Authority;

- (b) all staircases, passages, landings and exits are properly maintained and kept clear of all obstructions;
- (c) every door is so constructed and fitted as to be readily opened in his private car park; and
- (d) adequate licensed security guards are provided.

### PART III

#### ENFORCEMENT

##### **Power of entry**

16. (1) The President or any authorised officer may, with or without assistants or workmen, enter upon or into any private car park for the purpose of—

- (a) making any enquiry, inspection or investigation as to any offence suspected to have been committed under these By-Laws;
- (b) taking any necessary steps to physically close any private car park if he is satisfied that there has been a breach of any condition or restriction of the licence or a contravention of any provision of these By-Laws; and
- (c) doing any acts necessary for the efficient administration of these By-Laws.

(2) Any person who willfully hinders the entry of any authorised officer or permitted under paragraph (1) to enter into any private car park commits an offence.

##### **Power to arrest**

17. (1) The President or any authorised officer may arrest without warrant any person—

- (a) whom he reasonably believes to have committed an offence under these By-Laws; or
- (b) who refuses to give his name and address when it is requested for or if there is reason to doubt the accuracy of the name and the address given.

(2) A person arrested under this By-Laws shall be taken to a police station and shall be brought before a Magistrate within twenty-four hours, unless

before that time his true name and residence are ascertained, in which case such person shall be forthwith released on his executing a bond for his appearance before a Magistrate if so required.

(3) When any such person is taken before a Magistrate, such Magistrate may either require him to execute a bond, with or without a surety, for his appearance before a Magistrate if so required, or may order him to be detained in custody until he can be tried.

### **Power of seizure**

18. (1) Any authorised officer may seize or remove any things or goods in contravention of these By-Laws with the risk to be borne by the owner.

(2) Where any things or goods seized under paragraph (1) are of perishable nature or are subject to speedy and natural decay or where the custody of such things or goods involves unreasonable expense and inconvenience, or is believed to cause hazard to the public, the authorised officer may direct that such things or goods may be disposed of in any manner as determined by the Council.

(3) Any person who claims any things or goods other than things or goods disposed under paragraph (2), may claim such things or goods from the Council within a minimum period of seven working days or a maximum period of one month from the date of such things or goods being seized subject to any condition and payment imposed by the Council.

(4) The President or any authorised officer shall not be liable to any person for any deterioration, however caused, in the quality of any things or goods seized under this By-Law.

## **PART IV**

### **GENERAL**

### **General penalty**

19. A person who commits an offence under these By-Laws for which no penalty is expressly provided shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both, and in the case of a continuing offence shall in addition be liable to a fine not exceeding two hundred ringgit for each day the offence continues to be committed.

### **Prosecution**

20. No prosecution shall be instituted for an offence under these By-Laws except by or with the consent of the Public Prosecutor.

**Compounding of offences**

21. (1) The President, Secretary or Legal Officer of the Council may with the consent of the Public Prosecutor compound any offence committed by any person under these By-Laws and prescribed to be a compoundable offence by making a written offer to the person suspected of having committed the offence to compound the offence upon payment to the Council of an amount of money not exceeding the amount of one thousand ringgit for that offence within the time specified in the offer.

(2) An offer under paragraph (1) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and if the amount specified in the offer is not paid within the period specified in the offer or within such extended period as the President, Secretary or Legal Officer may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against the person to whom the offer was made.

(3) If an offence has been compounded under paragraph (1), no prosecution shall be instituted after that in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made and anything seized in connection with the offence shall be released, subject to such terms and condition as may be prescribed.

(4) All monies received under these By-Laws shall be paid into the fund constituted under any law relating to local government.

**Powers of police officer under these By-Laws**

22. Nothing contained in these By-Laws shall derogate from the powers of a police officer to investigate into any offence under these By-Laws.

**Exemption**

23. The Council may exempt any person or class or category of persons from all or any of the provisions of these By-Laws or waive any or all of the conditions of these By-Laws or substitute for any or all of these conditions as he may consider fit.

**Repeal and transitional provision**

24. (1) Licensing of Private Car Parks (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 1995 [*Sel. P.U. 13*] is repealed.

(2) Any notice, order, compound, licence or documents made or issued under the repealed By-Laws shall, be deemed to be made or issued under these By-Laws, and shall continue to remain in force until revoked thereof.

## SCHEDULE

LICENSING OF PRIVATE CAR PARKS  
(AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2005

[By-Law 5(1)]

## ANNUAL LICENCE FEES

Number of parking lots per car park	Fee payable RM
2-50	500.00
51-100	1,000.00
101-200	1,500.00
201-300	2,000.00
301-400	2,500.00
401-500	3,000.00
501 and above	3,500.00

Made by the Ampang Jaya Municipal Council in the meeting on 30 August 2005.  
[PU. Sel. Am 0283]

DATO' AHMAD SHAFII BIN SAIDIN  
*President,*  
*Ampang Municipal Council*

Confirmed by the State Authority in the meeting on 20 December 2005.

BAKHTIAR BIN HUSSIN  
*Clerk,*  
*State Executive Council,*  
*Selangor*

Sel. P.U. 65.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TANAH PERKUBURAN ISLAM  
(MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2005

—————  
SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL  
—————

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-  
Undang  
Kecil

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENGGUNAAN TANAH PERKUBURAN

4. Kelulusan bertulis
5. Penggunaan tanah perkuburan
6. Pengebumian mayat
7. Tiada binaan atau perhiasan
8. Daftar
9. Kuasa melantik penggali-penggali kubur, dsb
10. Pengecualian
11. Kuasa Pentadbir
12. Pembawaan mayat-mayat ke tanah perkuburan

BAHAGIAN III

PENGUATKUASAAN

13. Kuasa penangkapan
14. Kuasa menyita

BAHAGIAN IV

AM

Undang-  
Undang  
Kecil

15. Penalti am
16. Pendakwaan
17. Pengkompaunan kesalahan
18. Fi dan caj
19. Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini



## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TANAH PERKUBURAN ISLAM  
(MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 98 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Ampang Jaya membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Tajuk ringkas dan permulaan kuasa**

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Tanah Perkuburan Islam (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 2005**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

**Pemakaian**

2. Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

**Tafsiran**

3. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Ampang Jaya;

“pengebumian” ertinya mengebumikan mayat orang Islam;

“Pentadbir” ertinya seseorang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua untuk menjaga tanah perkuburan dan untuk menjalankan tugas di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“perhiasan” ertinya apa-apa batu nisan, alat, bahan, bunga, ranting, pokok atau apa-apa benda lain yang ditanam, digantung, ditabur atau diletakkan di atas tanah perkuburan;

“rangka bina” termasuklah apa-apa rumah, pondok, bangsal kepongian berbumbung, dinding, pagar, bingkai, pilar, pagar pancang dan papan dinding;

“tanah perkuburan” ertinya tanah perkuburan yang disediakan bagi orang Islam di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya menurut subseksyen 94(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

## BAHAGIAN II

### TANAH PERKUBURAN

#### **Kelulusan bertulis**

4. (1) Tiada seorang pun dibenarkan mengebumikan mayat tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Pentadbir.

(2) Permohonan mengebumikan mayat hendaklah dibuat di dalam borang yang ditentukan oleh Pentadbir. Permohonan tersebut hendaklah dibuat oleh—

- (a) waris-waris atau mana-mana keluarga yang terdekat dengan simati; atau
- (b) mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis untuk membuat permohonan oleh waris-waris atau mana-mana keluarga yang terdekat dengan simati.

#### **Penggunaan tanah perkuburan**

5. (1) Tanah perkuburan ini hendaklah digunakan bagi maksud pengebumian dan hendaklah dibahagikan kepada petak-petak kubur.

(2) Petak-petak tersebut hendaklah dinomborkan berturut-turut dan ditandakan di atas suatu pelan yang hendaklah disimpan di pejabat Pentadbir.

(3) Sebarang penempahan atau pemilihan petak-petak untuk pengebumian adalah tidak dibenarkan.

(4) Saiz bagi tiap-tiap petak hendaklah berukuran 2.4 meter panjang dan 1.2 meter lebar dan semua kubur hendaklah digali sedalam tidak kurang dari 1.5 meter di bawah permukaan tanah.

#### **Pengebumian mayat**

6. (1) Tanah perkuburan ini boleh digunakan bagi tujuan pengebumian pada bila-bila masa diperlukan.

(2) Tiada seorang pun boleh mengebumikan lebih daripada satu mayat di dalam satu petak.

(3) Pentadbir boleh, dengan budi bicaranya, mengecualikan perjalanan kuat kuasa Undang-Undang Kecil ini dalam kes-kes khas setelah merujuk kepada pegawai kesihatan dan tertakluk kepada apa-apa arahan munasabah yang dibuat oleh pegawai kesihatan bagi maksud mencegah bahaya kepada kesihatan awam.

**Tiada binaan atau perhiasan**

7. (1) Tiada monumen, batu nisan, kepingan bertulis, memorial, monumen bertulis, rangka bina atau perhiasan boleh dibina di atas mana-mana bahagian tanah perkuburan melainkan dengan kelulusan bertulis Pentadbir.

(2) Pelan-pelan bagi kesemua monumen, batu nisan, kepingan bertulis, memorial, monumen bertulis, rangka bina atau perhiasan yang tersebut dalam perenggan (1) hendaklah dikemukakan kepada pentadbir untuk kelulusannya sebelum pembinaan.

(3) Walau apapun peruntukan perenggan (1), apa-apa perhiasan bolehlah secara sementara diletakkan, didirikan, digantungkan, ditanamkan atau disandarkan di mana-mana bahagian kubur selepas pengebumian, upacara atau penziarahan.

Dengan syarat bahawa pentadbir boleh pada bila-bila masa mengubah, memungut atau melupuskan perhiasan sedemikian itu.

(4) Pentadbir boleh menurunkan atau mengubah apa-apa monumen, batu nisan, kepingan bertulis, memorial, monumen bertulis, rangkabina atau perhiasan yang telah dibina atau diletakkan di tanah perkuburan tanpa mendapat kelulusan bertulisnya.

**Daftar**

8. (1) Pentadbir hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan suatu daftar yang hendaklah dimasukkan ke dalamnya—

- (a) nombor siri petak di mana simati dikebumikan;
- (b) tarikh pengebumian;
- (c) nama, nombor kad pengenalan, tempat tinggal, pekerjaan, umur, jantina dan taraf perkahwinan simati;
- (d) tarikh kematian simati;
- (e) nama, nombor kad pengenalan dan alamat orang yang memohon kelulusan bertulis di bawah Undang-Undang Kecil 4;
- (f) sebab-sebab kematian simati;
- (g) nombor rujukan kelulusan bertulis yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil 4.

(2) Pentadbir boleh membenarkan orang ramai memeriksa daftar itu dan membuat salinan-salinannya atau cabutan-cabutan darinya dengan bayaran fi sebanyak dua ringgit bagi setiap satu salinan.

**Kuasa melantik penggali-penggali kubur, dsb.**

9. Pentadbir hendaklah menyimpan dan menyenggarakan tanah perkuburan ini dalam keadaan baik dan hendaklah dengan kelulusan Yang Dipertua melantik penggali-penggali kubur dan kakitangan-kakitangan lain yang perlu untuk penjagaan dan penggunaan tanah perkuburan dan boleh membayar mereka gaji-gaji dan elaun-elaun seperti Yang Dipertua fikir wajar.

**Pengecualian**

10. Pentadbir boleh dalam mana-mana kes tertentu mengecualikan mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini sebagaimana yang difikirkan patut.

**Kuasa Pentadbir**

11. Pentadbir boleh menurut budi bicaranya membatalkan atau enggan memberikan sebarang kelulusan tanpa memberi apa-apa sebab.

**Pembawaan mayat-mayat ke tanah perkuburan**

12. Pentadbir boleh membuat perkiraan seperti yang difikirkan patut bagi menyenangkan pembawaan mayat-mayat dari tempat kematian kepada tanah perkuburan itu.

**BAHAGIAN III****PENGUATKUASAAN****Kuasa penangkapan**

13. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang—

- (a) yang semunasabahnya dipercayai olehnya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau
- (b) yang enggan memberikan nama dan alamatnya apabila diminta atau jika ada sebab untuk meragui ketepatan nama dan alamat yang diberikan.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibawa ke balai polis dan hendaklah dibawa ke hadapan seorang Majistret dalam masa dua puluh empat jam, melainkan jika sebelum dari masa itu nama dan kediamannya yang sebenarnya telah dapat ditentukan, dan dalam hal yang sedemikian orang itu hendaklah dilepaskan dengan seta-merta apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk hadir di hadapan seorang Majistret jika dikehendaki sedemikian.

(3) Apabila mana-mana orang sedemikian dibawa ke hadapan seorang Majistret, Majistret itu boleh sama ada menghendaki dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin untuk hadir di hadapan seorang Majistret sekiranya dikehendaki, atau boleh memerintahkan supaya dia ditahan dalam jagaan sehingga dia dapat dibicarakan.

**Kuasa menyita**

14. (1) Mana-mana pegawai Majlis diberi kuasa boleh menyita atau mengalihkan apa-apa barang atau benda yang menyalahi Undang-Undang Kecil ini dengan risiko ditanggung oleh pemunya.

(2) Apa-apa benda atau barang yang disita di bawah perenggan (1) ini adalah daripada jenis yang mudah rosak atau yang mengikut sifatnya lekas rosak atau jika penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah atau dipercayai akan membahayakan orang ramai, pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan supaya benda atau barang itu dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Mana-mana orang yang menuntut apa-apa benda atau barang selain benda atau barang yang disita di bawah perenggan (2), boleh menuntut benda atau barang tersebut daripada Majlis dalam tempoh minima tujuh hari bekerja atau maksima satu bulan dari tarikh benda atau barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran yang dikenakan oleh Majlis.

(4) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa secara bertulis olehnya tidaklah bertanggung kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, walau apa pun sebabnya, dalam kualiti apa-apa benda atau barang yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini.

#### BAHAGIAN IV

##### AM

#### **Penalti am**

15. Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau di penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan boleh sebagai tambahan didenda yang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

#### **Pendakwaan**

16. Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

#### **Pengkompaunan kesalahan**

17. (1) Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh dengan keizinan Pendakwa Raya mengkompaunkan mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Yang Dipertua sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar

dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada Kumpulan Wang yang diwujudkan di bawah mana-mana Undang-Undang yang berhubung dengan Kerajaan Tempatan.

### **Fi dan caj**

18. (1) Fi dan caj bagi setiap pengebumian (termasuk kos bagi menggali dan menutup semula kubur) ialah sebanyak RM150.00 untuk orang dewasa serta RM100.00 untuk kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dan hendaklah dibayar kepada dan dikutip oleh Pentadbir.

(2) Pentadbir boleh, setelah berpuas hati bahawa si mati tidak meninggalkan apa-apa harta atau keluarga atau kawan yang mempunyai kemampuan untuk membayar fi dan caj tersebut, meremitkan keseluruhan atau sebahagian daripada fi dan caj tersebut.

### **Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini**

19. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai polis untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya dalam mesyuaratnya pada 30 Ogos 2005.  
[PU. Sel. Am 0283]

DATO' AHMAD SHAFII BIN SAIDIN  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Perbandaran Ampang Jaya*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 20 Disember 2005.

BAKHTIAR BIN HUSSIN  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan,*  
*Selangor*

---

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

MUSLIM CEMETERY (AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL)  
BY-LAWS 2005

---

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

---

PART I

PRELIMINARY

By-Law

1. Short title and commencement
2. Application
3. Interpretation

PART II

CEMETERY

4. Written approval
5. Use of cemetery
6. Burial of corpse
7. No structure or decoration
8. Register
9. Power to appoint grave diggers, etc
10. Exemption
11. Power of Administrator
12. Conveyance of bodies to cemetery

PART III

ENFORCEMENT

13. Power to arrest
14. Power of seizure

PART IV

GENERAL

By-Law

15. General penalty
16. Prosecution
17. Compounding of offences
18. Powers of police officers under these By-Laws
19. Fees and charges



## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

MUSLIM CEMETERY (AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL)  
BY-LAWS 2005

IN exercise of the powers conferred by section 98 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Ampang Jaya Municipal Council makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms the following by-laws:

## PART I

## PRELIMINARY

**Short title and commencement**

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Muslim Cemetery (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 2005**.

(2) These By-Laws shall come into operation on 1 January 2006.

**Application**

2. These By-Laws shall apply only to the area administered by the Ampang Jaya Municipal Council.

**Interpretation**

3. In these By-Laws unless the context otherwise requires—

“Council” means the Ampang Jaya Municipal Council;

“burial” means burial of a Muslim corpse;

“Administrator” means the person authorised in writing by the President to be in charge of the cemetery and to perform the duties required under these By-Laws;

“decoration” means any gravestone, instrument, material, flower, twig, tree or any other thing planted, hung, strewn or placed on the graveyard;

“structure” includes any house, hut, shed, roofed enclosure, wall, fence, frame, pillar, paling and hoarding;

“cemetery” means the burial grounds provided for Muslim in the area of the Ampang Jaya Municipal Council pursuant to subsection 94(1) of the Local Government Act 1976;

“President” means the person for the time being performing the duties of the office of the President at the Ampang Jaya Municipal Council.

## PART II

## CEMETERY

**Written approval**

4. (1) No person shall bury any corpse without the prior written approval of the Administrator.

(2) Application for burial of any corpse shall be made in such form as may be determined by the Administrator. The said application shall be made by—

(a) heirs or any close relative of the deceased person; or

(b) any person who is authorised in writing to make the application by the heirs or any close relative of the deceased person.

**Use of cemetery**

5. (1) The cemetery shall be used only for the purpose of burial and shall be divided into plots for graves.

(2) Such plots shall be numbered consecutively and marked on a plan which shall be kept in the office of the Administrator.

(3) There shall be no reservations or selections of plots for burial.

(4) The size of each plot shall be 2.4 meters in length and 1.2 meters in width and all graves shall be dug to a depth of not less than 1.5 meters below the surface of the ground.

**Burial of corpse**

6. (1) The burial ground may be used for the purpose of burial at any time when required.

(2) No person shall bury more than one corpse in one plot;

(3) The Administrator may, at his discretion on special cases after reference to the health officer and subject to any reasonable directions that may be issued by the health officer for the purpose of preventing danger to the public health.

**No structure or decoration**

7. (1) Monument, gravestone, tablet, memorial, monumental inscription, structure or decoration shall be erected or placed anywhere in the cemetery without the prior written approval of the Administrator.

(2) The plans for all monuments, gravestones, tablets, memorials, monumental inscriptions, structures or decorations referred to in paragraph (1) shall be submitted to the Administrator for his approval before erection.

(3) Notwithstanding the provisions of paragraph (1), any decoration may temporarily be placed, erected, hung, planted or leaned on any part of the grave after the burial, rites or visit.

Provided that the Administrator may, at any time remove, collect and dispose of the said decoration.

(4) The Administrator may take down or remove any monument, gravestone, tablet, memorial, monumental inscription, structure or decoration which have been erected or placed within the cemetery without his prior written approval.

### **Register**

8. (1) The Administrator shall keep or cause to be kept a register in which shall be entered—

- (a) the serial number of the plot wherein such deceased person is buried;
- (b) the date of burial;
- (c) the name, identity card number, the residence, occupation, age, sex and marital status of the deceased person;
- (d) the date of death of the deceased person;
- (e) the name, identity card number and address of the person who applied for the written approval under By-Law 4;
- (f) the cause of death of the deceased person;
- (g) the reference number of the written approval issued under By-Law 4; and

(2) The Administrator may permit the public to inspect such register and make copies or extracts thereof at a fee of two ringgit for each copy made.

### **Power to appoint grave diggers, etc.**

9. The Administrator shall keep and maintain the cemetery in good order and condition and shall, with the approval of the President, appoint grave diggers and other servants necessary for the care and use of the cemetery and may pay them such wages and allowances as the President thinks fit.

### **Exemption**

10. The Administrator may in any particular case exempt any provisions of these By-Laws as he deems fit.

### **Power of Administrator**

11. The Administrator may in his discretion revoke or refuse to grant any approval without assigning any reason therefore.

**Conveyance of bodies to cemetery**

12. The Administrator may make such arrangements as he may think fit for facilitating the conveyance of the bodies of the dead from the place of death to the cemetery.

**PART III****ENFORCEMENT****Power to arrest**

13. (1) The President or any authorised officer may arrest without warrant any person—

- (a) whom he reasonably believes to have committed an offence under these By-Laws; or
- (b) who refuses to give his name and address when it is requested for or if there is reason to doubt the accuracy of the name and the address given.

(2) A person arrested under this By-Law shall be taken to a police station and shall be brought before a Magistrate within twenty-four hours, unless before that time his true name and residence are ascertained, in which case such person shall be forthwith released on his executing a bond for his appearance before a Magistrate if so required.

(3) When any such person is taken before a Magistrate, such Magistrate may either require him to execute a bond, with or without a surety, for his appearance before a Magistrate if so required, or may order him to be detained in custody until he can be tried.

**Power of seizure**

14. (1) Any authorised officer may seize or remove any things or goods in contravention of these By-Laws with the risk to be borne by the owner.

(2) Where any things or goods seized under paragraph (1) are of perishable nature or are subject to speedy and natural decay or where the custody of such things or goods involves unreasonable expense and inconvenience, or is believed to cause hazard to the public, the authorised officer may direct that such things or goods may be disposed of in any manner as determined by the Council.

(3) Any person who claims any things or goods other than things or goods disposed under paragraph (2), may claim such things or goods from the Council within a minimum period of seven working days or a maximum period of one month from the date of such things or goods being seized subject to any condition and payment imposed by the Council.

(4) The President or any authorised officer shall not be liable to any person for any deterioration, however caused, in the quality of any things or goods seized under this By-Law.

#### PART IV

#### GENERAL

#### **General penalty**

15. A person who commits an offence under these By-Laws for which no penalty is expressly provided shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both, and in the case of a continuing offence shall in addition be liable to a fine not exceeding two hundred ringgit for each day the offence continues to be committed.

#### **Prosecution**

16. No prosecution shall be instituted for an offence under these By-Laws except by or with the consent of the Public Prosecutor.

#### **Compounding of offences**

17. (1) The President, Secretary or Legal Officer of the Council may with the consent of the Public Prosecutor compound any offence committed by any person under these By-Laws and prescribed to be a compoundable offence by making a written offer to the person suspected of having committed the offence to compound the offence upon payment to the Council of an amount of money not exceeding the amount of one thousand ringgit for that offence within the time specified in the offer.

(2) An offer under paragraph (1) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and if the amount specified in the offer is not paid within the period specified in the offer or within such extended period as the President, Secretary or Legal Officer may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time thereafter against the person to whom the offer was made.

(3) If an offence has been compounded under paragraph (1), no prosecution shall be instituted thereafter in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made and anything seized in connection with the offence shall be released, subject to such terms and condition as may be prescribed.

(4) All monies received under these By-Laws shall be paid into the fund constituted under any law relating to local government.

**Powers of police officer under these By-Laws**

18. Nothing contained in these By-Laws shall derogate from the powers of a police officer to investigate into any offence under these By-Laws.

**Fees and charges**

19. (1) Fees and charges for every burial (including cost for digging and covering the grave) is RM150.00 for adults and RM100.00 for children below the age of 12 shall be paid to and be collected by the Administrator.

(2) The Administrator may on being satisfied that the deceased has left no estate nor any relatives, friends, sufficient means to pay the aforesaid fees and charges remit wholly or in part of the aforesaid fees and charges.

Made by the Ampang Jaya Municipal Council in the meeting on 30 August 2005.  
[PU. Sel. Am 0283]

DATO' AHMAD SHAFII BIN SAIDIN  
*President*  
*Ampang Jaya Municipal Council*

Confirmed by the State Authority in the meeting on 20 December 2005.

BAKHTIAR BIN HUSSIN  
*Clerk*  
*State Executive Council*  
*Selangor*

Sel. P.U. 66.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TANDAS AWAM  
(MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2005

—————  
SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL  
—————

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-  
Undang  
Kecil

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENGGUNAAN TANDAS AWAM

4. Kebersihan dan kehendak-kehendak lain
5. Syarat-syarat penggunaan tandas awam
6. Kewajipan penerima pajak
7. Tandas berasingan untuk berlainan jantina
8. Caj

BAHAGIAN III

PENGUATKUASAAN

9. Kuasa untuk mengarahkan orang keluar
10. Kuasa penangkapan
11. Kuasa menyita

BAHAGIAN IV

AM

Undang-  
Undang  
Kecil

12. Penalti am
13. Pendakwaan
14. Pengkompaunan kesalahan
15. Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini
16. Pembatalan dan peruntukan peralihan



## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL TANDAS AWAM  
(MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Ampang Jaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 2005**.
- (2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

**Pemakaian**

2. Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

**Tafsiran**

3. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Ampang Jaya;

“tandas awam” termasuklah mana-mana bangunan, bilik atau petak yang dibina dan diselenggara oleh Majlis, yang dibina oleh Majlis dan diselenggara oleh mana-mana orang atau syarikat yang dilantik oleh Majlis, di mana orang ramai boleh membuang air besar, membuang air kecil atau untuk mencuci dirinya;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

## BAHAGIAN II

## PENGUNAAN TANDAS AWAM

**Kebersihan dan kehendak-kehendak lain**

4. Tiada seorang pun boleh—
  - (a) membuang sampah, meludah, membuang air kecil atau air besar di atas lantai kecuali dalam bekas yang disediakan bagi maksud masing-masing;

- (b) membiarkan paip air terbuka selepas menggunakannya sama ada atau tidak bekalan air sedang mengalir;
- (c) merosakkan atau memindahkan apa-apa barang dalam tandas;
- (d) mengotorkan, melukis, menconteng atau mengecat apa-apa di atas dinding atau siling;
- (e) berperangai tidak senonoh atau tidak sopan; atau
- (f) meninggalkan mangkuk tandas tanpa menyimbahkan air.

### **Syarat-syarat penggunaan tandas awam**

5. Tiada seorang pun boleh—

- (a) membasuh apa-apa pakaian atau meninggalkan pakaian itu untuk dikeringkan dalam tandas awam;
- (b) menyalakan api atau memasak makanan dalam tandas awam dan tiada seseorang pun boleh makan atau tidur di dalamnya;
- (c) mencuci makanan, perkakas, pinggan mangkuk atau apa-apa bekas dalam tandas awam;
- (d) menggunakan mana-mana tandas awam sebagai tempat untuk menyimpan barang-barang;
- (e) menjalankan transaksi perniagaan dalam mana-mana tandas awam; atau
- (f) dibenarkan mandi di dalam mana-mana tandas awam melainkan kemudahan mandi disediakan di dalamnya.

### **Kewajipan penerima pajak**

6. Jika Majlis sudah memajakkan mana-mana tandas awam kepada mana-mana orang atau sudah membuat apa-apa perkiraan lain dengan mana-mana orang bagi pengurusan mana-mana tandas awam, orang itu hendaklah—

- (a) menjaga tandas awam itu supaya bersih dan memastikan pencahayaan yang mencukupi sehingga Majlis berpuas hati; dan
- (b) menyebabkan suatu salinan Undang-Undang Kecil yang ditulis dalam bahasa kebangsaan dipamerkan secara berterusan di tempat yang mudah dilihat di tandas awam itu.

### **Tandas berasingan untuk berlainan jantina**

7. Jika Majlis sudah menyediakan tandas awam yang berasingan yang ditunjukkan dengan tanda yang sesuai untuk jantina yang berlainan, tiada seorang pun daripada sesuatu jantina tertentu boleh memasuki atau menggunakan tandas awam yang disediakan untuk jantina yang berlainan.

## Caj

8. Jika Majlis sudah, melalui pemberitahu dalam Warta mengenakan caj bagi penggunaan mana-mana tandas awam, tiap-tiap orang yang menggunakan tandas awam itu hendaklah membayar dalam caj yang ditetapkan bagi penggunaan itu.

## BAHAGIAN III

### PENGUATKUASAAN

#### **Kuasa untuk mengarahkan orang keluar**

9. Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan yang melanggar Undang-Undang Kecil ini boleh diperintahkan oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa supaya meninggalkan tandas awam itu.

#### **Kuasa penangkapan**

10. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang—

- (a) yang semunasabahnya dipercayai olehnya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau
- (b) yang enggan memberikan nama dan alamatnya apabila diminta atau jika ada sebab untuk meragui ketepatan nama dan alamat yang diberikan.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibawa ke balai polis dan hendaklah dibawa ke hadapan seorang Majistret dalam masa dua puluh empat jam, melainkan jika sebelum dari masa itu nama dan kediamannya yang sebenarnya telah dapat ditentukan, dan dalam hal yang sedemikian orang itu hendaklah dilepaskan dengan serta-merta apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk hadir di hadapan seorang Majistret jika dikehendaki sedemikian.

(3) Apabila mana-mana orang sedemikian dibawa ke hadapan seorang Majistret, Majistret itu boleh sama ada menghendaki dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin untuk hadir di hadapan seorang Majistret sekiranya dikehendaki, atau boleh memerintahkan supaya dia ditahan dalam jagaan sehingga dia dapat dibicarakan.

#### **Kuasa menyita**

11. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menyita atau mengalihkan apa-apa barang atau benda yang menyalahi Undang-Undang Kecil ini dengan risiko ditanggung oleh pemunya.

(2) Apa-apa benda atau barang yang disita di bawah perenggan (1) ini adalah daripada jenis yang mudah rosak atau yang mengikut sifatnya lekas rosak atau jika penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan

kesusahan yang tidak munasabah, atau dipercayai akan membahayakan orang ramai, pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan supaya benda atau barang itu dilupuskan mengikut acara yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Mana-mana orang yang menuntut apa-apa benda atau barang selain benda atau barang yang disita di bawah perenggan (2), boleh menuntut benda atau barang tersebut daripada Majlis dalam tempoh minima tujuh hari bekerja atau maksima satu bulan dari tarikh benda atau barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran yang dikenakan oleh Majlis.

(4) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa tidaklah bertanggungjawab kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, walau apa pun sebabnya, dalam kualiti apa-apa benda atau barang yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini.

#### BAHAGIAN IV

##### AM

#### **Penalti am**

12. Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau di penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan boleh sebagai tambahan didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

#### **Pendakwaan**

13. Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

#### **Pengkompaunan kesalahan**

14. (1) Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh dengan keizinan Pendakwa Raya mengkompaunkan mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh

lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

### **Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini**

15. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai polis untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

### **Pembatalan dan peruntukan peralihan**

16. (1) Undang-Undang Kecil Tandas Awam (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 1992 [*Sel. P.U. 57*] adalah dibatalkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah, disifatkan telah dibuat atau di keluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini, dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya dalam mesyuaratnya pada 30 Ogos 2005.  
[PU. Sel. Am 0283]

DATO' AHMAD SHAFII BIN SAIDIN  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Perbandaran Ampang Jaya*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 20 Disember 2005.

BAKHTIAR BIN HUSSIN  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan,*  
*Selangor*

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

PUBLIC LAVATORIES (AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL)  
BY-LAWS 2005

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

PART I

PRELIMINARY

By-Law

1. Short title and commencement
2. Application
3. Interpretation

PART II

USAGE OF PUBLIC LAVATORY

4. Cleanliness and other requirements
5. Conditions of use of public lavatory
6. Duties of lessee
7. Separate lavatory for different sex
8. Charge

PART III

ENFORCEMENT

9. Power to evict a person out
10. Power to arrest
11. Power of seizure

## PART IV

## GENERAL

## By-Law

12. General penalty
13. Prosecution
14. Compounding of offences
15. Powers of police officers under these By-Laws
16. Repeal and transitional provision

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

PUBLIC LAVATORIES (AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL)  
BY-LAWS 2005

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Ampang Jaya Municipal Council makes and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws:

## PART I

## PRELIMINARY

**Short title and commencement**

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Public Lavatories (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 2005**.

(2) These By-Laws shall come into operation on 1 January 2006.

**Application**

2. These By-Laws shall apply only to the area administered by the Ampang Jaya Municipal Council.

**Interpretation**

3. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“Council” means the Ampang Jaya Municipal Council;

“public lavatory” includes any building, room or compartment erected and maintained by the Council, erected by the Council and maintained by any person or firm appointed by the Council, where the public may go to defecate, urinate or cleanse himself;

“President” means a person for the time being lawfully performing the duties of the office of the President of the Ampang Jaya Municipal Council.

## PART II

## USAGE OF PUBLIC LAVATORY

**Cleanliness and other requirements**

4. No person shall—

(a) throw any rubbish, spit, urinate or defecate on the floor except in a proper receptacle provided for the respective requirement;



- (b) leave the tap on after using whether or not there is a running water supply;
- (c) damage or remove any article in the lavatory;
- (d) dirty, draw, scribble or paint anything on the wall or ceiling;
- (e) behave in a disorderly or indecent manner; or
- (f) leave the bowl without flushing after use.

#### **Condition of use of public lavatory**

5. No person shall—

- (a) wash any article of clothing or leave them to dry in a public lavatory;
- (b) lit fire or cook food within the public lavatory and no person shall eat nor sleep therein;
- (c) wash food, utensil, crockery or any container in a public lavatory;
- (d) use any public lavatory as a place for storing goods;
- (e) carry out any business transaction in any public lavatory; or
- (f) be allowed to bathe in any public lavatory except where bathing facilities are provided therein.

#### **Duties of lessee**

6. (1) In the event of any public lavatory being leased to any person by the Council or has made any other arrangement with any person to manage any public lavatory, such person shall—

- (a) keep the public lavatory clean and lighted sufficiently to the satisfaction of the Council; and
- (b) cause a copy of these By-Laws distinctly written in the national language to be continuously displayed in a conspicuous place within the public lavatory.

#### **Separate lavatory for different sex**

7. If the Council has provided a separate lavatory which is indicated by appropriate sign for different sex, no person from a particular sex can enter or use public lavatory provided for the opposite sex.

#### **Charge**

8. If the Council, by notification in the *Gazette* impose a charge for the use of any public lavatory, each person who uses the public lavatory shall pay the prescribed charge for the said use.

## PART III

## ENFORCEMENT

**Power to evict a person out**

9. Any person committing any act in contravention of any of the provisions of these By-Laws may be evicted out of the public lavatory by the President or any authorised person.

**Power to arrest**

10. (1) The President or any authorised officer may arrest without warrant any person—

- (a) whom he reasonably believes to have committed an offence under these By-Laws; or
- (b) who refuses to give his name and address when it is requested for or if there is reason to doubt the accuracy of the name and the address given.

(2) A person arrested under this By-Law shall be taken to a police station and shall be brought before a Magistrate within twenty-four hours, unless before that time his true name and residence are ascertained, in which case such person shall be forthwith released on his executing a bond for his appearance before a Magistrate if so required.

(3) When any such person is taken before a Magistrate, such Magistrate may either require him to execute a bond, with or without a surety, for his appearance before a Magistrate if so required, or may order him to be detained in custody until he can be tried.

**Power of seizure**

11. (1) Any authorised officer may seize or remove any things or goods in contravention of these By-Laws with the risk to be borne by the owner.

(2) Where any things or goods seized under paragraph (1) are of perishable nature or are subject to speedy and natural decay or where the custody of such things or goods involves unreasonable expense and inconvenience, or is believed to cause hazard to the public, the authorised officer may direct that such things or goods may be disposed of in any manner as determined by the Council.

(3) Any person who claims any things or goods other than things or goods disposed under paragraph (2), may claim such things or goods from the Council within a minimum period of seven working days or a maximum period of one month from the date of such things or goods being seized subject to any condition and payment imposed by the Council.

(4) The President or any authorised officer shall not be liable to any person for any deterioration, however caused, in the quality of any things or goods seized under this By-Law.

#### PART IV

#### GENERAL

#### **General penalty**

12. A person who commits an offence under these By-Laws for which no penalty is expressly provided shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both, and in the case of a continuing offence shall in addition be liable to a fine not exceeding two hundred ringgit for each day the offence continues to be committed.

#### **Prosecution**

13. No prosecution shall be instituted for an offence under these By-Laws except by or with the consent of the Public Prosecutor.

#### **Compounding of offences**

14. (1) The President, Secretary or Legal Officer of the Council may with the consent of the Public Prosecutor compound any offence committed by any person under these By-Laws and prescribed to be a compoundable offence by making a written offer to the person suspected of having committed the offence to compound the offence upon payment to the Council of an amount of money not exceeding the amount of one thousand ringgit for that offence within the time specified in the offer.

(2) An offer under paragraph (1) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and if the amount specified in the offer is not paid within the period specified in the offer or within such extended period as the President, Secretary or Legal Officer may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against the person to whom the offer was made.

(3) If an offence has been compounded under paragraph (1), no prosecution shall be instituted after that in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made and anything seized in connection with the offence shall be released, subject to such terms and condition as may be prescribed.

(4) All monies received under these By-Laws shall be paid into the fund constituted under any law relating to local government.

**Powers of police officers under these By-Laws**

15. Nothing contained in these By-Laws shall derogate from the powers of a police officer to investigate into any offence under these By-Laws.

**Repeal and transitional provision**

16. (1) Public Lavatories (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 1992 [*Sel. P.U. 57*] is repealed.

(2) Any notice, order, compound, licence or documents made or issued under the repealed By-Laws shall, be deemed to be made or issued under these By-Laws, and shall continue to remain in force until revoked thereof.

Made by the Ampang Jaya Municipal Council in the meeting on 30 August 2005.  
[PU. Sel. Am 0283]

DATO' AHMAD SHAFII BIN SAIDIN  
*President,*  
*Ampang Jaya Municipal Council*

Confirmed by the State Authority in the meeting on 20 December 2005.

BAKHTIAR BIN HUSSIN  
*Clerk,*  
*State Executive Council,*  
*Selangor*

Sel. P.U. 67.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL VANDALISME  
(MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2005

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-  
Undang  
Kecil

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

KESALAHAN VANDALISME

4. Kesalahan-kesalahan

BAHAGIAN III

PENGUATKUASAAN

5. Kuasa penangkapan
6. Kuasa menyita

BAHAGIAN IV

AM

7. Penalti am
8. Pendakwaan
9. Pengkompaunan kesalahan
10. Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini
11. Pembatalan dan peruntukan peralihan

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL VANDALISME  
(MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA) 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Ampang Jaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 2005**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2006.

**Pemakaian**

2. Undang-Undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

**Tafsiran**

3. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“binatang” termasuklah burung, serangga dan hidupan air;

“harta Majlis” ertinya apa-apa harta alih atau tak alih yang dipunyai, dibina, diuruskan, disewa atau diselenggarakan oleh Majlis yang terletak atau yang ada di dalam, di bawah atau di atas mana-mana tempat awam atau persendirian di dalam kawasan Majlis dan apa-apa harta mana-mana pihak atau orang yang berkontrak dengan Majlis yang digunakan bagi maksud memenuhi atau melaksanakan kontrak itu dan termasuklah apa-apa kerja yang dijalankan oleh Majlis dan mana-mana binatang, tumbuh-tumbuhan, rumput, sungai, tasik, dan anak sungai yang berada di bawah penjagaan dan kawalan Majlis;

“kerja” ertinya apa-apa kerja yang dijalankan oleh Majlis atau mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang ada di dalam, di bawah atau di atas mana-mana tempat awam atau persendirian di dalam kawasan Majlis;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis Perbandaran Ampang Jaya;

“tempat awam” hendaklah mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976;

“tempat persendirian” ertinya mana-mana tempat selain tempat awam;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

## BAHAGIAN II

### KESALAHAN VANDALISME

#### **Kesalahan-kesalahan**

4. Tiada seorang pun boleh, melainkan jika kebenaran atau kuasa baginya diberikan secara bertulis oleh Majlis—

- (a) menulis, melukis, mengecat, menyembur, menanda, mencakar, mencalar atau mengukir apa-apa perkataan, slogan, karikatur, simbol atau apa-apa jua pun di atas harta Majlis;
- (b) memasang, melekatkan, menampalkan, menunjukkan atau mempamerkan apa-apa poster, pelekat, iklan, surat tempelan, notis, kertas atau apa-apa dokumen di atas harta Majlis;
- (c) menggantung, menyangkut, menaikkan, melekatkan atau mempamerkan apa-apa bendera, panji-panji hiasan, panji-panji bendera, banting, sepanduk atau yang menyerupainya dengan sesuatu slogan, karikatur, lukisan, simbol atau apa-apa perkataan lain di atas harta Majlis;
- (d) memaku, mengikat, menyimpul atau merantai apa-apa benda ke atas harta Majlis;
- (e) mencuri, mengalih, mengganggu, mengusik, memindah, mencacatkan, merosakkan, melupuskan atau memusnahkan apa-apa harta Majlis;
- (f) membuat apa-apa ubahan kepada apa-apa harta Majlis;
- (g) mengalih, memindah, mengusik, mencacatkan, merosakkan atau memusnahkan apa-apa jua yang dipamerkan, digantung, didirikan, dilekatkan, dinaikkan atau disangkutkan oleh Majlis;
- (h) meludah, membuang air kecil atau membuang air besar di dalam atau di atas mana-mana harta Majlis kecuali di tempat yang telah disediakan bagi maksud itu;
- (i) mengotorkan atau mencemarkan air di mana-mana pancutan air, kolam renang, sungai, tasik atau anak tasik yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis;
- (j) memotong, menggali, mengalih, memetik, membantun, merosakkan atau memusnahkan mana-mana pokok, tumbuh-tumbuhan, bunga, daun atau dahan mana-mana pokok atau tumbuh-tumbuhan, atau rumput yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis;

- (k) mengorek, mengangkut, mengambus atau mengalih tanah dari mana-mana harta Majlis;
- (l) memerangkap, menangkap, mendera, membunuh, memberi makan atau mengganggu mana-mana binatang kepunyaan Majlis atau yang di bawah penjagaan dan kawalan Majlis atau mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis;
- (m) menunggang, memandu, menolak atau menarik apa-apa kenderaan sama ada yang digerakkan secara mekanikal atau selainnya atau meluncur dengan papan selaju atau kasut beroda, atau skuter atau apa-apa alat lain di atas mana-mana harta Majlis yang bukan dibenarkan bagi maksud itu; atau
- (n) melakukan apa-apa perbuatan yang boleh menyebabkan kerosakan kepada harta Majlis.

### BAHAGIAN III

#### PENGUATKUASAAN

#### **Kuasa penangkapan**

5. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang—

- (a) yang semunasabahnya dipercayai olehnya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau
- (b) yang enggan memberikan nama dan alamatnya apabila diminta atau jika ada sebab untuk meragui ketepatan nama dan alamat yang diberikan.

(2) Seseorang yang ditangkap di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibawa ke balai polis dan hendaklah dibawa ke hadapan seorang Majistret dalam masa dua puluh empat jam, melainkan jika sebelum dari masa itu nama dan kediamannya yang sebenarnya telah dapat ditentukan, dan dalam hal yang sedemikian orang itu hendaklah dilepaskan dengan serta-merta apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk hadir di hadapan seorang Majistret jika dikehendaki sedemikian.

(3) Apabila mana-mana orang sedemikian dibawa ke hadapan seorang Majistret, Majistret itu boleh sama ada menghendaki dia menyempurnakan suatu bon, dengan atau tanpa penjamin untuk hadir di hadapan seorang Majistret sekiranya dikehendaki, atau boleh memerintahkan supaya dia ditahan dalam jagaan sehingga dia dapat dibicarakan.

#### **Kuasa menyita**

6. (1) Mana-mana pegawai diberi kuasa boleh menyita atau mengalihkan apa-apa barang atau benda yang menyalahi Undang-Undang Kecil ini dengan risiko ditanggung oleh pemunya.



(2) Apa-apa benda atau barang yang disita di bawah perenggan (1) ini adalah daripada jenis yang mudah rosak atau yang mengikut sifatnya lekas rosak atau jika penjagaan benda atau barang itu melibatkan perbelanjaan dan kesusahan yang tidak munasabah, atau dipercayai akan membahayakan orang ramai, pegawai diberi kuasa boleh mengarahkan supaya benda atau barang itu dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Majlis.

(3) Mana-mana orang yang menuntut apa-apa benda atau barang selain benda atau barang yang disita di bawah perenggan (2), boleh menuntut benda atau barang tersebut daripada Majlis dalam tempoh minima tujuh hari bekerja atau maksima satu bulan dari tarikh benda atau barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat dan pembayaran yang dikenakan oleh Majlis.

(4) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa tidaklah bertanggungjawab kepada mana-mana orang bagi apa-apa kemerosotan, walau apa pun sebabnya, dalam kualiti apa-apa benda atau barang yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini.

#### BAHAGIAN IV

##### AM

#### **Penalti am**

7. Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan boleh sebagai tambahan didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan.

#### **Pendakwaan**

8. Tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

#### **Pengkompaunan kesalahan**

9. (1) Yang Dipertua, Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis boleh dengan keizinan Pendakwa Raya mengkompaunkan mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah perenggan (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar

dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau Pegawai Undang-Undang Majlis, pendakwaan terhadap kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah perenggan (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

(4) Kesemua wang yang diterima di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibayar kepada kumpulan wang yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan kerajaan tempatan.

### **Kuasa pegawai polis di bawah Undang-Undang Kecil ini**

10. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-Undang Kecil ini boleh mengurangkan kuasa seseorang pegawai polis untuk menyiasat apa-apa kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

### **Pembatalan dan peruntukan peralihan**

11. (1) Undang-Undang Kecil Vandalisme (Majlis Perbandaran Ampang Jaya) 1995 [*Sel. P.U. 14*] dibatalkan.

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah disifatkan telah dibuat atau dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dibatalkan.

Dibuat oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya dalam mesyuaratnya pada 30 Ogos 2005.

[PU. Sel. Am 0283]

DATO' AHMAD SHAFII BIN SAIDIN  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Perbandaran Ampang Jaya*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 20 Disember 2005.

BAKHTIAR BIN HUSSIN  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan,*  
*Selangor*

---

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

VANDALISM (AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2005

---

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

---

PART I

PRELIMINARY

By-Law

1. Short title and commencement
2. Application
3. Interpretation

PART II

VANDALISM OFFENCE

4. Offences

PART III

ENFORCEMENT

5. Power to arrest
6. Power of seizure

PART IV

GENERAL

7. General penalty
8. Prosecution
9. Compounding of offences
10. Powers of police officers under these By-Laws
11. Repeal and transitional provision

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

## VANDALISM (AMPANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL) BY-LAWS 2005

IN exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], the Ampang Jaya Municipal Council hereby makes and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms, the following by-laws:

## PART I

## PRELIMINARY

**Short title and commencement**

1. (1) These By-Laws may be cited as the **Vandalism (Ampang Jaya Municipal Council) By-Laws 2005**.

(2) These By-Laws shall come into operation on 1 January 2006.

**Application**

2. These By-Laws shall apply only to the area administered by the Ampang Jaya Municipal Council.

**Interpretation**

3. In these By-Laws, unless the context otherwise requires—

“animal” includes bird, insect and aquatic life;

